

Dakwaan Anwar Terhadap Ketelusan SPR Sebagai Tomahan Politik- Penganalisis Politik
Bernama
6 Mei, 2013

KUALA LUMPUR, Mei 6 (Bernama) -- Dakwaan Penasihat Parti Keadilan Rakyat (PKR) Datuk Seri Anwar Ibrahim bahawa wujudnya penipuan dalam Pilihan Raya Umum ke-13 (PRU13) serta mendesak penjelasan daripada Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) dilihat sebagai tomahan yang bersifat politik.

Penganalisis politik, Prof Madya Datuk Dr Samsul Adabi Mamat berkata tomahan Anwar itu adalah tidak berasas dan tidak wajar kerana isu ini mempersoalkan kredibiliti SPR yang sebelum ini telah melakukan pelbagai langkah bagi membuktikan ketelusan dalam proses pemilihan.

"Satu bukti yang kukuh kita ada sekarang adalah dengan kehadiran pemerhati antarabangsa, bukankah itu menunjukkan ketelusan SPR? Apa lagi yang perlu dipersoalkan," katanya kepada Bernama Isnin.

Pensyarah Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) itu berkata banyak lagi penambahbaikan dilakukan dari awal lagi sehingga penggunaan dakwat kekal.

"Kawasan yang dia menang tidak dijadikan isu, sebaliknya mengeluarkan rasa tidak puas hati apabila secara keseluruhannya keputusan keluar," katanya.

Rakan sefakulti, Prof Dr Samsudin Abd. Rahim berkata sebenarnya Anwar terlalu yakin bahawa keputusan PRU kali ini akan memihak kepada pakatan rakyat, "sebab itu dia terlalu kecewa," apabila keputusan tidak menyebelainya.

"Kalau tidak dapat terima keputusan pusat, jangan terima keputusan negeri terutamanya negeri-negeri yang dimenangi seperti Selangor dan Kelantan," katanya.

Samsul berkata sebagai seseorang ahli politik, Anwar perlu menerima kekurangan dan kelebihan apabila berlakunya pilihan raya umum.

Sementara itu, mengulas keputusan PRU13, Pengarah Kriminologi, Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan, Universiti Sains Malaysia (USM), Prof Madya Dr P. Sundramoorthy berkata rakyat Malaysia telah bergerak ke arah kematangan politik dan demokrasi yang progresif.

Beliau berkata bilangan terbesar pengundi keluar mengundi pada PRU13 semalam dengan 84.84 peratus untuk kerusi Parlimen telah mencerminkan hal ehwal politik negara diambil berat berbanding pilihan raya sebelum ini.

Katanya rakyat mengamalkan proses demokrasi secara bertanggungjawab untuk melakukan perubahan melalui undi dan tidak secara demonstrasi atau perhimpunan.

Justeru, keputusan dibuat menerusi undi menunjukkan rakyat memilih saluran yang betul dalam proses demokrasi negara.

Sundramoorthy juga berkata polis telah menjalankan tugas secara cekap, profesional dan berkecuali pada PRU13 dengan menjamin tahap keselamatan kepada semua pihak dari

mula tempoh berkempen sehingga hari pengundian semalam.

Dalam pada itu, Ketua Jabatan Sains Kemasyarakatan dan Pembangunan Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr Sarjit Singh berkata penambahan kerusi yang dimenangi oleh Pakatan Rakyat boleh dilihat sebagai salah satu contoh negara bergerak ke arah demokrasi yang progresif.

"Rakyat menyedari senario politik...ia adalah peningkatan yang sangat baik kerana mereka sanggup mengambil bahagian. Ini menunjukkan petanda ketara yang rakyat bimbang tentang masa depan negara," kata penganalisis politik itu.

Beliau berkata keputusan PRU13 jelas menyatakan BN dan Pakatan Rakyat mempunyai kekuatan masing-masing untuk mendekati rakyat khusus di luar bandar.

"Bagaimanapun, BN menawan semula Kedah kerana saya berpendapat kepimpinan PAS tidak cukup kuat di sana," katanya.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=947987>